



PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

BIL. 1 TAHUN 2018

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHARU/MEMBAHARUI KAD PEMANDU DAN KAD
PEMANDU ELEKTRONIK BAGI PEMANDU PERKHIDMATAN KENDERAAN
PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI, KERETA SEWA, TEKSI MEWAH DAN
KENDERAAN *E-HAILING***

TARIKH: 31 OKTOBER 2018

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHARU/MEMBAHARUI KAD PEMANDU DAN KAD
PEMANDU ELEKTRONIK BAGI PEMANDU PERKHIDMATAN KENDERAAN
PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI, KERETA SEWA, TEKSI MEWAH DAN
KENDERAAN *E-HAILING***

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada pemohon kad pemandu (“Kad Pemandu”) dan kad pemandu elektronik (“e-Kad Pemandu”) mengenai garis panduan permohonan baharu/membaharui Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu bagi pemandu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam (“PKPA”) kelas teksi, kereta sewa, teksi mewah dan kenderaan *e-hailing* (“Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan”).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawal selia pengangkutan awam darat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) yang telah berkuat kuasa sepenuhnya pada 31 Januari 2011.
- 2.2 Bagi memenuhi matlamat Program Transformasi Industri Teksi (Program TITP) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 10 Ogos 2016, S.P.A.D. dengan ini memperkenalkan garis panduan permohonan baharu/membaharui Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu bagi Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan.

3.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 3.1 Semua pemandu PKPA kelas yang berikut HENDAKLAH memiliki Kad Pemandu:
- i. teksi;
 - ii. kereta sewa; dan
 - iii. teksi mewah.
- 3.2 Semua pemandu PKPA kelas yang berikut HENDAKLAH memiliki e-Kad Pemandu:
- i. kenderaan *e-hailing*; dan
 - ii. teksi, kereta sewa dan teksi mewah yang menggunakan aplikasi *e-hailing*.
- 3.3 Keperluan yang tersebut di perenggan 3.1 dan perenggan 3.2 Pekeliling ini akan menjadi syarat lesen pengendali PKPA dan lesen perniagaan pengantaraan ("LPP") yang berkenaan bermula pada tarikh kuat kuasa Pekeliling ini.
- 3.4 Seksyen 22(3) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 menyatakan bahawa sekiranya pengendali PKPA dan pemegang LPP tidak mematuhi syarat yang dikenakan pada lesen pengendali dan LPP, dan apabila disabitkan kesalahan, pengendali PKPA dan pemegang LPP tersebut boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit (RM1,000.00) tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.
- 3.5 Pengendali PKPA, pemegang LPP dan pemandu juga boleh dikenakan tindakan pembatalan atau penggantungan Lesen Pengendali, Lesen Perniagaan Pengantaraan, Permit Kenderaan, Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu yang mana berkenaan.

3.6 Pelaksanaan garis panduan Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu ini melibatkan beberapa perkara seperti dibawah yang HENDAKLAH diambil perhatian.

4.0 GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHARU/MEMBAHARUI KAD PEMANDU DAN E-KAD PEMANDU BAGI PEMANDU PKPA KELAS YANG BERKENAAN

4.1 Permohonan baharu/membaharui Kad Pemandu bagi kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah.

4.1.1 Permohonan baharu/membaharui Kad Pemandu boleh dilakukan dengan mengisi Borang Permohonan Kad Pemandu yang boleh didapati secara percuma di semua pejabat operasi S.P.A.D. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi S.P.A.D. di www.spad.gov.my.

4.1.2 Dokumen-dokumen yang HENDAKLAH disertakan bersama borang permohonan Kad Pemandu adalah seperti berikut:

- a. Borang Perakuan Diri yang lengkap diisi seperti di Lampiran 1;
- b. salinan kad pengenalan pemohon;
- c. satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport;
- d. salinan lesen kenderaan perkhidmatan awam (*public service vehicle license* ("PSV")) yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 ("APJ");
- e. salinan kad pengenalan individu yang menandatangani borang; dan
- f. surat lantikan wakil (sekiranya borang permohonan dimajukan selain daripada penandatanganan borang):
 - i. surat pelantikan wakil; dan
 - ii. salinan kad pengenalan wakil.

4.1.3 Tempoh masa pemprosesan permohonan baharu/membaharui Kad Pemandu adalah satu (1) hari untuk permohonan individu. Bagi permohonan daripada syarikat atau koperasi, ianya bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima.

4.1.4 Bayaran caj pemprosesan berkaitan pendaftaran Kad Pemandu adalah sebanyak RM5.00 bagi setiap pemandu.

4.2 **Permohonan baharu/membaharui e-Kad Pemandu bagi kelas kenderaan *e-hailing***

4.2.1 Permohonan berkenaan e-Kad Pemandu boleh dilakukan melalui pemegang LPP.

4.2.2 Pemegang LPP perlu menyemak, mengesahkan dan menyediakan maklumat pemandu mengikut ketetapan oleh S.P.A.D.

1. Pemohon perlu mengisi Borang Perakuan Diri yang disediakan oleh S.P.A.D. seperti di Lampiran 2 melalui pemegang lesen LPP.
2. Maklumat yang perlu disertakan merangkumi butiran pemohon seperti berikut:
 - a. nama penuh pemohon;
 - b. nombor kad pengenalan pemohon;
 - c. bangsa pemohon;
 - d. tarikh lahir pemohon;
 - e. alamat surat menyurat;
 - f. nombor telefon bimbit pemohon;
 - g. emel pemohon;
 - h. nombor Kad Pemandu atau e-Kad Pemandu (bagi pemandu sedia ada); dan
 - i. tarikh kuat kuasa Kad Pemandu atau tarikh kuat kuasa e-Kad Pemandu (bagi pemandu sedia ada).

3. Butiran kenderaan pemohon yang merangkumi:
 - a. nombor plat kenderaan;
 - b. model kenderaan;
 - c. jenis kenderaan;
 - d. usia kenderaan;
 - e. tarikh pemeriksaan PUSPAKOM;
 - f. nombor permit kenderaan *e-hailing* yang diluluskan oleh S.P.A.D.; dan
 - g. nombor siri LPP yang diluluskan oleh S.P.A.D.

4. Pemegang LPP hendaklah menyemak dan menyimpan dokumen berikut bagi tujuan semakan audit yang akan dijalankan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa:
 - a. salinan kad pengenalan pemohon;
 - b. salinan lesen memandu kompeten (*competent driving licence* (CDL)), kelas D;
 - c. salinan PSV yang dikeluarkan di bawah APJ;
 - d. salinan cukai jalan;
 - e. perakuan pemeriksaan PUSPAKOM; dan
 - f. gambar pemandu yang terbaru berukuran passport.

4.2.3 Tempoh masa pemprosesan permohonan baharu/membaharui e-Kad Pemandu adalah satu (1) hari, setelah S.P.A.D. menerima butiran pemandu yang lengkap beserta bayaran bagi caj pemprosesan e-Kad Pemandu.

4.2.4 Bayaran caj pemprosesan berkaitan pendaftaran e-Kad Pemandu adalah sebanyak RM5.00 bagi setiap pemandu.

4.3 Status Pendaftaran Pemandu

Terdapat dua (2) status pendaftaran bagi Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan:

- i. pemandu utama akan didaftarkan sebagai (“Pemandu”); dan
- ii. pemandu tambahan akan didaftarkan sebagai (“Pemandu Kedua”).

4.4 Pendaftaran Pemandu bagi Kenderaan

Suatu kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi, kereta sewa, teksi mewah dan kenderaan *e-hailing* hanya boleh didaftarkan dengan seorang Pemandu dan seorang Pemandu Kedua sahaja pada bila-bila masa.

4.5 Tempoh Kuat Kuasa Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu

Tempoh kuat kuasa bagi Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu adalah untuk satu (1) tahun sahaja.

4.6 Tanggungjawab membawa Kad Pemandu atau e-Kad Pemandu:

- 4.6.1 Pemandu PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah hendaklah sentiasa mempamerkan Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa dan pemandu sesuatu teksi hendaklah mempamerkan pada setiap masa semasa membawa penumpang, di papan pemuka di bahagian hadapan penumpang hadapan dan di belakang ke sebelah kiri tempat duduk hadapan¹ serta seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa; dan
- 4.6.2 Pemandu PKPA kelas kenderaan *e-hailing* hendaklah mempunyai e-Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa semasa membawa penumpang dan boleh dirujuk melalui aplikasi pemegang LPP. Maklumat e-Kad Pemandu juga boleh dirujuk melalui aplikasi yang disediakan oleh S.P.A.D.

¹Rujuk Kaedah-Kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan Dan Kelakuan Pemandu, Konduktor Dan Penumpang) 1959.

5.0 PENGECUALIAN SEMENTARA CAJ PERMOHONAN E-KAD PEMANDU

- 5.1 Bagi menggalakkan pemandu kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah untuk menggunakan aplikasi bagi mendapatkan penumpang, S.P.A.D. telah memutuskan untuk memberi pengecualian sementara bayaran caj bagi permohonan baharu e-kad pemandu kepada semua pemandu kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah sedia ada.
- 5.2 Pengecualian bayaran caj permohonan e-Kad Pemandu ini hanya terpakai satu (1) tahun bermula dari tarikh kuat kuasa Pekeliling ini.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini terpakai untuk semua Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan.


7.0 TARIKH KUAT KUASA

- 7.1 Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling ini.

8.0 PEMBATALAN

- 8.1 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini maka Pekeliling Bil. 4 Tahun 2013 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

Lampiran 1

BORANG PERAKUAN DIRI (PERMOHONAN KAD PEMANDU)

Bagi pemandu kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah



BORANG PERAKUAN DIRI



Saya

Nombor Kad Pengenalan

Mengaku bahawa:

1. saya tidak pernah disabitkan dengan apa - apa kesalahan jenayah berdaftar di bawah Akta 7 (Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969);
2. saya tidak disenarai hitam oleh JPJ, PDRM dan S.P.A.D.;
3. saya tidak memiliki atau telah menyelesaikan kes/kompaun daripada S.P.A.D.;
4. saya tidak mempunyai tindakan pentadbiran yang diambil ke atas saya oleh S.P.A.D.;
5. saya sihat dari segi mental dan fizikal;
6. saya akan memaklumkan kepada S.P.A.D. dan syarikat pengendali sekiranya permohonan lesen PSV saya ditolak di atas sebarang sebab;
7. saya mempunyai perlindungan insurans yang merangkumi perlindungan diri, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga;
8. segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini termasuk dokumen lampiran semasa membuat permohonan sebagai pemandu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam adalah BENAR dan TERKINI;
9. saya membenarkan sebarang semakan berkaitan apa-apa kesalahan jenayah, rekod senarai hitam, kes/kompaun/saman dilakukan oleh agensi kerajaan berkaitan dan/atau kontraktor atau syarikat yang berkaitan yang dilantik oleh S.P.A.D.;

Saya juga memahami bahawa permohonan saya akan ditolak atau Kad Pemandu saya boleh terbatal sekiranya S.P.A.D. mendapati bahawa saya:

1. gagal melengkapkan borang permohonan dan/atau melampirkan dokumen yang diperlukan dan/atau tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan ketika memohon;
2. mengisytiharkan maklumat palsu di dalam borang permohonan ini atau melampirkan dokumen palsu semasa membuat permohonan;
3. gagal mematuhi perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar/garis panduan bagi pemandu kenderaan perkhidmatan awam seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D.;
4. gagal menghadiri sesi latihan seperti yang diarahkan oleh S.P.A.D. dalam tempoh yang telah ditetapkan (sekiranya berkaitan); atau
5. gagal mematuhi peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 dan undang-undang jalan raya yang lain.

PERINGATAN:

1. Sekiranya terdapat sebarang butiran palsu yang dikemukakan, tindakan di bawah Seksyen 204, Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 boleh diambil.
2. Pemohon diwajibkan membaca, memahami dan mematuhi segala peraturan dan dasar yang dikeluarkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa. Peraturan dan dasar ini boleh diperolehi dari laman sesawang rasmi S.P.A.D. iaitu www.spad.gov.my atau Pejabat Operasi S.P.A.D. yang berhampiran.

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

NAMA PEGAWAI :
JAWATAN/BAHAGIAN :
TARIKH TERIMA :

Lampiran 2

BORANG PERAKUAN DIRI (PERMOHONAN KAD PEMANDU ELEKTRONIK)

Bagi pemandu kelas kenderaan *e-hailing* (perlu dimuatnaik di aplikasi pemegang lesen perniagaan pengantaraan dan perlu diisi oleh pemandu)



BORANG PERAKUAN DIRI



Saya

Nombor Kad Pengenalan

Mengaku bahawa:

1. saya tidak pernah disabitkan dengan apa - apa kesalahan jenayah berdaftar di bawah Akta 7 (Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969);
2. saya tidak disenarai hitam oleh JPJ, PDRM dan S.P.A.D.;
3. saya tidak memiliki atau telah menyelesaikan kes/kompaun daripada S.P.A.D.;
4. saya tidak mempunyai tindakan pentadbiran yang diambil ke atas saya oleh S.P.A.D.;
5. saya sihat dari segi mental dan fizikal;
6. saya akan memaklumkan kepada S.P.A.D. dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan sekiranya permohonan lesen PSV saya ditolak di atas sebarang sebab;
7. saya mempunyai perlindungan insurans yang merangkumi perlindungan diri, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga;
8. segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini termasuk dokumen lampiran semasa berdaftar sebagai pemandu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam adalah BENAR dan TERKINI;
9. saya membenarkan sebarang proses semakan berkaitan apa-apa kesalahan jenayah, rekod senarai hitam, kes/kompaun/saman dilakukan oleh agensi kerajaan berkaitan dan/atau kontraktor atau syarikat yang berkaitan yang dilantik oleh S.P.A.D.;

Saya juga memahami bahawa permohonan ini akan ditolak atau Kad Pemandu Elektronik saya boleh terbatal sekiranya S.P.A.D. mendapati saya:

1. gagal melengkapkan borang permohonan dan/atau melampirkan dokumen yang diperlukan dan/atau tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan ketika memohon;
2. mengisytiharkan maklumat palsu di dalam borang permohonan ini atau melampirkan dokumen palsu semasa membuat permohonan; atau
3. gagal mematuhi perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar/garis panduan bagi pemandu kenderaan perkhidmatan awam seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D.; atau
4. gagal menghadiri sesi latihan seperti yang diarahkan oleh S.P.A.D. dalam tempoh yang telah ditetapkan (sekiranya berkaitan); atau
5. gagal mematuhi peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 dan undang-undang jalan raya yang lain.

Saya juga memahami bahawa:

1. maklumat yang dihantar kepada pemegang lesen perniagaan pengantaraan adalah BENAR untuk tujuan permohonan; dan
2. pemegang lesen perniagaan pengantaraan yang telah berdaftar akan menghantar segala maklumat bagi pihak saya kepada S.P.A.D.

PERINGATAN:

1. Sekiranya terdapat sebarang butiran palsu yang dikemukakan, tindakan di bawah Seksyen 204 Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 boleh diambil.
2. Pemohon diwajibkan membaca, memahami dan mematuhi segala peraturan dan dasar yang dikeluarkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa. Peraturan dan dasar ini boleh diperolehi daripada laman sesawang S.P.A.D., www.spad.gov.my atau di pejabat operasi S.P.A.D. yang berhampiran.

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :